



## KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR

Aras G-7, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: [www.kwpkb.gov.my](http://www.kwpkb.gov.my)

# SIARAN MEDIA

## UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

### KEMERIAHAN SAMBUTAN HARI WILAYAH PERSEKUTUAN 2013 BERSAMA-SAMA DIRASAI OLEH WARGA WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

**LABUAN, 23 Februari 2013** - Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar (KWPKB) dengan kerjasama Perbadanan Labuan (PL) hari ini mengadakan **Majlis Penutup Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2013 di Dataran Labuan** yang disempurnakan oleh **YAB Tan Sri Dato' Hj. Muhyiddin bin Hj. Mohd Yasin, Timbalan Perdana Menteri Malaysia.**

2. Majlis Penutup Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2013 pada kali ini diadakan di Wilayah Persekutuan Labuan adalah untuk **memberi peluang kepada warga WP Labuan dalam bersama-sama merasai kemeriahan SHWP 2013**. Majlis turut dimeriahkan dengan aktiviti perarakian kontingen yang melibatkan penyertaan dari para belia, agensi kerajaan, komuniti penduduk dan badan beruniform. YAB Timbalan Perdana Menteri turut menyampaikan hadiah kepada pemenang Kempen Kibar Bendera Wilayah Persekutuan peringkat Wilayah Persekutuan Labuan Tahun 2013 serta pemenang cabutan bertuah.

3. Bersempena dengan Majlis Penutup SHWP 2013, **Konvoi Prihatin Sukarelawan Komuniti 1 Malaysia** turut diadakan pada hari ini yang diketuai oleh YB Menteri Wilayah Persekutuan Dan Kesejahteraan Bandar dengan kerjasama Jabatan Penerangan Labuan, PEMUDA UMNO Labuan dan Majlis Belia Labuan. Konvoi ini bertujuan untuk menyemarakkan semangat kerjasama serta saling bantu-membantu di

kalangan warga WP Labuan. YB Menteri WPKB serta pasukan Konvoi Prihatin Sukarelawan Komuniti 1 Malaysia turut menyampaikan sumbangan dalam bentuk *food basket* kepada keluarga miskin, ibu tunggal dan golongan kelainan upaya (OKU). Di samping itu, kemeriahannya Majlis Penutup SHWP 2013 juga turut memberikan peluang kepada **peniaga-peniaga kecil di WP Labuan bagi menjalankan perniagaan dan menjana pendapatan** melalui gerai-gerai jualan yang dibuka di Dataran Labuan.

4. SHWP 2013 memberikan impak yang positif kepada seluruh warga Wilayah Persekutuan melalui pelbagai aktiviti dan program yang telah dilaksanakan disepanjang bulan Februari berasaskan kepada tema "**Perpaduan Teras Kesejahteraan Wilayah Persekutuan**". Semangat bersatu padu di kalangan warga Wilayah Persekutuan jelas ditunjukkan melalui aktiviti perbarisan semasa Majlis Pelancaran SHWP 2013 yang telah diadakan di Stadium Bola Sepak Kuala Lumpur pada 2 Februari 2013. Program Kenduri 1Wilayah Persekutuan yang diadakan secara serentak pada 17 Februari 2013 melibatkan semua penduduk di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan jelas menggambarkan semangat kerjasama dan keharmonian di kalangan warga Wilayah Persekutuan.

5. SHWP 2013 pada kali ini turut menawarkan *valuable goodies* kepada warga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan sebagai tanda penghargaan dan keprihatinan pihak kerajaan. *Valuable goodies* yang diberikan sempena SHWP 2013 ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan dari seluruh warga Wilayah Persekutuan. Adalah diharapkan dengan SHWP 2013 ini akan dapat memupuk rasa cinta dan sayang kepada Wilayah Persekutuan bagi mencapai matlamat membangunkan bersama kecemerlangan dan kegemilangan Wilayah Persekutuan sebagai sebuah Wilayah Persekutuan yang Maju dan Sejahtera.

**Disediakan oleh:**

Bahagian Komunikasi Korporat  
Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar

23 Februari 2013  
LABUAN